

CABARAN ULAMA BORNEO DALAM PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI SARAWAK

(CHALLENGES FACED BY BORNEAN MUSLIM
MISSIONARIES IN PREACHING ISLAM IN SARAWAK)

Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad &
Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah

Abstract

Islam is a preaching religion. With this awareness, many Muslims compete in conveying this good news to their friends, particularly to those who are not Muslims yet. Ulamas or Islamic scholars, as preachers and consultants on religious matters, play an important role in spreading Islam. Since the arrival of Islam in Sarawak, the function and role of Ulamas as conveyers of religion are still important. Sarawak is a state where most of its inhabitants are from various ethnic groups and religions. Until now, Islam is not the official religion of the state. A relatively large part of the state's population is Christians and other religion other than Islam. In the spread of Islam in Sarawak, the Ulamas face various problems. Some of these problems will be discussed in this article.

Keywords: Islam, Islamic scholars (Ulamas), religions, spread of Islam and Sarawak

Pengenalan

Sarawak adalah negeri yang mempunyai penduduk dari pelbagai kumpulan etnik dan agama. Sehingga kini Islam masih bukan menjadi agama rasmi bagi negeri ini. Sebahagian yang agak besar penduduk di negeri ini menjadi penganut agama Kristian serta agama-agama lain. Dalam usaha menyebarkan agama Islam di bumi yang mempunyai kepelbagaian agama seperti di Bumi Kenyalang ini para ulama berhadapan dengan pelbagai masalah. Ulama di Sarawak, di satu pihak, mempunyai tugas yang besar dan mempunyai rangka kerja yang amat mencabar kerana sebahagian besar penduduknya masih belum beriman kepada Islam, apatah lagi jika sebahagian besar penduduknya masih lagi berpegang kepada animisme. Di pihak lain, ulama ini dikatakan berada di lombong emas kerana dakwah dapat dilakukan di mana-mana. Akan tetapi dalam berhadapan dengan penduduk yang masih berpegang kepada animisme, atau berpegang kepada agama lain seperti Kristian, ulama berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Sehubungan itu makalah ini secara konseptual berusaha untuk memerihalkan cabaran-cabaran

yang dihadapi oleh ulama ini dalam usaha mereka menyampaikan dakwah Islam serta memberikan peringatan kepada umat manusia di Bumi Kenyalang ini.

Bagi orang Islam, agama yang sah dan dianggap benar hanya Islam.¹ Atas kesedaran ini ramai penganut agama Islam ini berlumba-lumba untuk menyampaikan berita gembira ini kepada rakan-rakan mereka, khususnya rakan yang masih belum beragama Islam. Keadaan ini menguatkan lagi hujah yang mengatakan Islam adalah agama dakwah. Sebagai agama dakwah, Islam disampaikan melalui dakwah, dan penganutnya mempunyai fungsi sebagai pendakwah. Ulama, dalam konteks ilmu dakwah ialah pendakwah, iaitu orang yang mempunyai tanggung jawab besar dalam hal ehwal berkaitan dengan penyebaran agama Islam. Sejak agama Islam mula diturunkan di zaman Rasulullah S.A.W. sehinggalah ke zaman mutakhir ini, ulama masih berfungsi sebagai penyebar agama di kalangan umat manusia. Kemasukan dan penyebaran agama Islam di kalangan penduduk di Nusantara sejak abad ke-14 dulu adalah dengan usaha gigih para ulama atau pendakwah ini. Bahkan bertapak kukuhnya agama Islam di bumi Malaysia adalah juga di atas usaha dan jerih payah para ulama atau pendakwah. Sejarah dakwah para ulama, daripada zaman awal Islam sehinggalah ke zaman mutakhir ini, tidak ada jalan mudah bagi menyampaikan mesej dakwah Islam kepada umat manusia. Oleh yang demikian ulama mempunyai tanggung jawab besar dan tugas yang selalu mencabar, menyampaikan seruan Islam serta memberikan peringatan kepada umat manusia sama ada yang sudah pun beriman kepada Islam, ataupun masih belum beriman kepada Islam. Tugas menyampai dan memberi peringatan sesama umat manusia ini adalah suatu tuntutan agama² dan adalah disarankan untuk terus memberikan peringatan kepada umat manusia.³

Masyarakat Sarawak dan Kepelbagaian Agama

Kepelbagaian Etnik di Sarawak

Di antara etnik yang terbesar ialah Melayu, Iban/Dayak Laut, Bidayuh/Dayak Darat, Melanau, Bumiputera Lain, Cina, Lain-lain dan Bukan Warganegara. Kumpulan etnik ini membentuk kira-kira 2,071,506 juta orang penduduk. Tiga etnik majoriti ialah Iban, Cina dan Melayu. Lain-lain etnik adalah kumpulan minoriti (Jadual 1).

Sarawak adalah sebuah negeri yang mempunyai pelbagai etnik. Terdapat laporan yang mengatakan terdapat lebih 30 kumpulan etnik di Bumi Kenyalang ini.⁴ Mereka hidup secara harmoni dalam kepelbagaian. Konsep masyarakat seperti ini adalah sama seperti yang terdapat di negara jiran, Indonesia, dengan diberikan nama *binn eka tunggal ika* yang bererti pelbagai (suku kaum) tetapi satu (bangsa). Banci Penduduk tahun 2000 memaparkan 39 kumpulan etnik Bumiputera selain Cina, India, Lain-lain dan Bukan Warganegara (Jadual 2). Etnik Bumiputera dikategorikan kepada dua, iaitu Melayu dan Bumiputera lain. Kumpulan Bumiputera Lain yang utama termasuklah Melayu, Iban (Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat), Melanau, Kayan, Kenyah, Murut/Lun Bawang, Kadayan, Penan, Bisaya, Kelabit, Kajang, Bajau dan Kadazan. Terdapat banyak lagi kumpulan Bumiputera Lain selain kumpulan etnik ini, tetapi jumlahnya adalah sedikit dan berselerak. Bagi etnik Cina, seperti juga etnik Cina di Semenanjung, sub-etniknya juga pelbagai, iaitu Hokkien, Khek (Hakka), Kantonis, Teochew, Hainan, Kwongsai,

Jadual 1: Sarawak: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, 1991

Kumpulan Etnik	Jumlah	Peratusan
Melayu (Bumiputera)	462 270	22.3
Iban/Dayak Laut	603 735	29.1
Bidayuh/Dayak Darat	166 756	8.0
Melanau	112 984	5.5
Bumiputera Lain	117 690	5.7
Cina	537 230	25.9
Lain-lain	8 103	0.4
Bukan Warganegara	62 738	3.0
Jumlah	2 071 506	100.0

Sumber: Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Sarawak (2006).

Jadual 2: Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik (Sarawak)

Kumpulan Etnik
Melayu (Bumiputera)
Bumiputera Lain
Iban/Dayak Laut
Bidayuh/Dayak Darat
Melanau
Kenyah
Kayan
Lun Bawang/Murut
Penan
Kajang
Kelabit
Kadayan
Bisaya
Bajau
Kadazan
Lain-lain Bumiputra
Cina
India
Lain-lain
Bukan Warganegara

Sumber: Disesuaikan daripada Buku Tahunan Perangkaan Sarawak (2006).

Foochow/Hokchiu, Henghua, Hokchia dan Cina Lain. Dalam kumpulan etnik India pula terdapat Tamil India, Malayali, Sikh/Punjabi, Telegu, Tamil Sri Lanka, Sinhala, Bangladesh, Pakistan dan India Lain. Terdapat juga kumpulan etnik warganegara yang dikelaskan sebagai Lain-lain, iaitu Indonesia, Thai, Filipina, Myanmar, Jepun, Korea, Bangsa Asia Lain, Serani, Eropah/Caucasia dan Lain-lain.

Mereka ini tinggal berselerak di seluruh negeri Sarawak termasuk di kawasan-kawasan pedalaman yang sukar dihubungi. Kebanyakan mereka bekerja sebagai petani sara diri, pekebun, penenun, penjahit, dan pelbagai kegiatan dalam sektor informal. Sebahagian mereka ada juga yang menjadi pedagang kecil-kecilan, *menambok*, peniaga dan pedagang pasar.⁵ yang menganalisis aktiviti kaum wanita dalam sektor informal di Sarawak menyatakan aktiviti perdagangan di kalangan penduduk peribumi telah menjadi nadi yang sangat penting dalam ekonomi tempatan sejak era pemerintahan kesultanan Brunei pada abad ke-16 dahulu lagi, malah sehingga ke hari ini warisan perdagangan tradisional ini masih terjelma dalam bentuk penjualan informal di sekitar kawasan desa mahupun bandar.

Penduduk Sarawak yang mempunyai pelbagai kumpulan etnik dan agama ini telah menarik minat sarjana-sarjana Barat untuk berlumba-lumba mengkaji masyarakat ini sejak awal abad ke-20 dulu lagi. Malah beberapa tulisan awal mengenai masyarakat Borneo sudah pun dapat dikesan seawal-awalnya sejak tahun-tahun akhir abad ke-19, iaitu dengan keluarnya tulisan Robert Burns dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, bertajuk *The Kayans of the North-West of Borneo* (1849). Pada tahun 1865 pula, Frederick Boyle berjaya menerbitkan sebuah buku di London berjudul *Adventures Among the Dayaks of Borneo*. Selepas tahun-tahun tersebut pelbagai kajian lain dan tulisan mereka berselerak di pelbagai buku serta jurnal yang diterbitkan di luar negara. Kebanyakan pengkaji awal ini ialah merupakan ahli antropologi sosial yang berusaha menghuraikan realiti masyarakat Sarawak khususnya, dan masyarakat Borneo umumnya, secara etnografi atau melalui kajian lapangan. Hasil tulisan mereka ini masih menjadi sumber rujukan penting kepada pengkaji atau penuntut-penuntut lain yang ingin mendalami masyarakat di kawasan ini sehingga ke hari ini.

Di antara sarjana awal abad ke-20 pula yang turut memberikan perhatian serius ke atas masyarakat ini ialah H.S. Morris,⁶ B. Sandin,⁷ G.N. Appell,⁸ Viktor T. King,⁹ dan lain-lain. Viktor T. King umpamanya, melalui sembilan hasil kajian yang diperoleh daripada kajian lapangan (etnografi) oleh pelbagai pengkaji mengenai masyarakat ini, berjaya mengumpulkannya dan menerbitkan satu monograf penting berkaitan masyarakat tersebut bertajuk *Essays on Borneo Societies*, yang diterbitkan oleh *University of Hull, England* pada tahun 1978.¹⁰ Monograf ini memuatkan maklumat penting mengenai pelbagai etnik di Borneo. Melalui monograf ini pelbagai maklumat mengenai masyarakat dan pelbagai kumpulan etnik di Borneo, khususnya Iban, Bidayuh, Melanau, Kenyah, Kayan, Lun Bawang, Penan, Kajang, Kelabit dan pelbagai lagi dapat diperoleh. Monograf ini adalah amat berharga dan amat berguna kepada para sarjana yang berhajat mendalami realiti masyarakat di Sarawak dan Borneo secara umum.

Kepelbagaian Agama di Sarawak

Sarawak merupakan negeri yang mencatatkan jumlah penganut agama Islam yang terkecil di Malaysia, iaitu 31.7 peratus. Agama Islam bukan merupakan agama

majoriti penduduk Sarawak. Sebaliknya negeri ini mencatatkan jumlah penganut agama Kristian yang terbesar di Malaysia, iaitu 42.4 peratus. Selain itu Sarawak juga mencatatkan jumlah penganut agama Suku Kaum/Folk dan Tiada Agama/Tidak diketahui agama yang terbesar di Malaysia, iaitu 5.2 dan 4.8 peratus. Kecilnya jumlah penganut agama Islam di Sarawak berkemungkinan ada kaitannya dengan kecilnya jumlah etnik Melayu di negeri itu berbanding etnik lain. Etnik Melayu selalunya adalah beragama Islam walaupun ada segelintir yang beragama lain (Jadual 3).

Jadual 3: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Agama, Sarawak (2000)

Kumpulan Agama	Peratusan
Islam	31.7
Kristian	42.4
Hindu	0.1
Budha	11.8
Confucious/Tao/Agama tradisi	2.5
Suku Kaum/Folk	5.2
Lain-lain	1.3
Tiada agama/Tidak dinyatakan	4.8
Jumlah	100.0

Sumber: Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan 2000.

Daripada kumpulan etnik di Sarawak, sama ada Melayu mahupun bukan Melayu, sehingga sekarang masih ramai yang bertempat tinggal di kawasan pedalaman, terutama di sepanjang sungai dan lembah-lembah yang subur. Agama Islam merupakan agama bagi kebanyakan orang Melayu, sementara penduduk bukan Melayu, termasuk Bumiputra lainnya, kebanyakannya beragama Kristian, tidak beragama, atau menganut agama lain selain Islam. Orang Melayu, khususnya Melayu Islam merupakan kumpulan minoriti di Sarawak¹¹ dan ini dapat diperhatikan daripada Jadual 2 yang menunjukkan jumlah orang Melayu adalah lebih kecil daripada jumlah orang Iban ataupun orang Cina serta Jadual 4 yang menunjukkan penganut agama Kristian melebihi jumlah penganut agama Islam.

Sehingga kini Islam masih bukan merupakan agama rasmi bagi negeri ini. Hal ini mungkin ada kaitannya dengan hanya sebahagian kecil daripada rakyat negeri ini yang beragama Islam. Tidak ramainya penduduk yang beragama Islam di Bumi Kenyalang ini berkaitan juga dengan lewatnya kemasukan kegiatan penyebaran agama Islam di situ. Kemasukan Islam ke Sarawak adalah agak terlambat, malah penubuhan pusat-pusat pengajian seperti madrasah tempat

mengajar dan mengembangkan agama Islam juga agak terlambat. Abang Haji Atei mengatakan satu-satunya sekolah agama Islam yang ditubuhkan sehingga tahun-tahun 1930-an ialah Madrasatul Islamiah yang telah ditubuhkan oleh Datuk Imam Abang Haji Morshidi Nasaruddin.¹² Sebelum itu tidak ada pusat pengajian Islam yang dibuka secara formal untuk menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk. Disebabkan muka bumi Sarawak yang bergunung gunung dan sukarnya perhubungan menyebabkan usaha dakwah oleh para ulama terdahulu di sini menjadi agak terbatas.

Kepercayaan asal penduduk di kepulauan Nusantara secara umum ialah Dinamisme-Animisme.¹³ Dengan itu dapat dikatakan kepercayaan asal penduduk di Sarawak, seperti juga penduduk di kepulauan Nusantara lainnya ialah Dinamisme-Animisme. Sehingga sekarang kepercayaan Dinamisme-Animisme masih lagi meluas dan masih diikuti oleh sebahagian besar penduduk di Sarawak. Berasaskan Banci 2000 jumlah penganut agama ini, atau khususnya penduduk yang tidak beragama adalah besar, iaitu kira-kira 4.8 peratus. Penduduk yang mengikuti kepercayaan ini pada umumnya percaya kepada makhluk halus, sama ada untuk menghindari daripada nasib malang ataupun juga untuk memohon kebaikan. Makhluk halus ini pula dipercayai menetap di pelbagai tempat, seperti di pokok kayu, busut, hutan, sungai, lautan dan lain-lain. Dalam kepercayaan animisme ini, pemujaan, pantang larang serta segala amalan khurafat (dalam ukuran agama Islam) adalah menjadi kepercayaan dan amalan asas dalam kehidupan mereka.

Selain itu sebahagian besar daripada penduduk di negeri ini adalah menjadi penganut agama Kristian. Keadaan ini berikutan dengan kemasukan kolonialis dan imperialis Barat ke negeri ini, yang bukan sahaja untuk tujuan ekonomi dan politik semata-mata tetapi juga mempunyai agenda tersembunyi berkaitan dengan penyebaran agama Kristian. Keadaan yang sedemikian dapat diperhatikan dengan jelas dengan apa yang berlaku di Sarawak di bawah pemerintahan kerajaan Brook. Brook menggunakan pelbagai pendekatan yang pada umumnya berselindung di sebalik aktiviti atau kebajikan sosial dan pembangunan minda yang matlamat akhirnya ialah untuk mempengaruhi pemikiran penduduk supaya terpengaruh dengan agama Kristian. Malah para pemimpin atau pentadbir kolonial itu sendiri juga sekali gus boleh dikaitkan dengan usaha kristianisasi ini di mana kebanyakan mereka adalah juga sebagai mubaligh yang menjalankan kerja-kerja kristianisasi tanpa boleh disedari dan dicurigai oleh penduduk tempatan.

Welyne Jeffry yang menganalisis tentang Agama Kristian dan hubungan etnik di Sarawak, mengatakan sekumpulan mubaligh Kristian sudah pun mula beroperasi untuk mewujudkan satu komuniti spiritual berteraskan agama Kristian sejak lama.¹⁴ Kumpulan pertama mubaligh dari gereja Anglican England yang datang ke Sarawak adalah dalam tahun 1848. Ini diikuti oleh penginjilan Borneo Church Mission (BCMI), mubaligh-mubaligh dari Roman Katolik, gereja Methodist dari Amerika, Seventh Day Adventist dan Borneo Evangelical Mission dari Australia (BEM). Welyne mengatakan pada ketika itu kumpulan mubaligh ini merupakan alat kerajaan Brook untuk menjinakkan dan mengubah pegangan dan kepercayaan tradisional di kalangan masyarakat Sarawak (kepada agama Kristian).

Malah berdasarkan kepada Parsons mubaligh Kristian pertama sudah pun memasuki Borneo sejak tahun 1332 dengan kemasukan paderi pertama ke situ, iaitu

Father Odoric, seorang paderi Franciscan.¹⁵ Ismail Yusoff melalui bukunya *Politik dan Agama di Sabah*, turut mengatakan Sidang Injil Borneo sudah pun mula beroperasi menyebarkan agama Kristian di Borneo sejak tahun 1920-an lagi.¹⁶ Kemasukan mubaligh Kristian ini ke Borneo dan ke seluruh pelosok dunia Islam yang lain, termasuk di negara-negara Islam Timur Tengah, adalah merupakan serangkaian usaha gerakan dan penyebaran Kristian ke seluruh dunia yang diatur oleh pertubuhan Kristian antarabangsa.

Sebaik sahaja kerajaan kolonial menguasai Sarawak, kerajaan James Brook dengan kerjasama badan-badan mubaligh Kristian mula bergiat secara lebih aktif dan agresif mengembangkan agama Kristian kepada penduduk tempatan. Dengan bantuan dan persetujuan kerajaan Brook pertubuhan Kristian ini telah mendirikan gereja, sekolah dan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Sarawak.¹⁷ Brook juga telah menentukan tempat-tempat tertentu untuk setiap kumpulan mubaligh menjalankan misi dalam proses kristianisasinya. Bagaimanapun mubaligh-mubaligh Kristian ini adalah dilarang oleh Brook untuk menjalankan misinya di kalangan orang-orang Melayu, sebaliknya mencadangkan kegiatan mengkristiankan penduduk harus ditumpukan kepada golongan Dayak.¹⁸

Untuk tujuan ini mubaligh Anglikan ditempatkan di Kucing dan Sri Aman, mubaligh Roman Katolik ditumpukan di kawasan Rajang dan Bau, Kucing, manakala Methodist ditempatkan di kawasan Ayer Manis, sementara Borneo Evangelical Mission ditempatkan di kawasan Baram. Keadaan inilah barangkali yang menjadi salah satu sebab kenapa sehingga sekarang ramai di antara kumpulan etnik ini di Sarawak menjadi pengikut agama Kristian dan juga mengapa tidak ramai orang-orang Melayu di Sarawak yang menganut agama Kristian. Disebabkan proses kristianisasi di kalangan penduduk Sarawak sudah pun berjalan sejak lama, dan proses kristianisasi ini masih rancak berjalan sehingga sekarang yang di dokong oleh imej semasa umat Islam yang terus menerus diberi gambaran negatif oleh media massa antarabangsa, maka tidak hairanlah ramai di antara penduduk di situ yang beragama Kristian.

Cabaran Ulama dalam Penyebaran Agama

Agama Islam seperti yang diyakini oleh penganut Islam adalah agama dakwah, iaitu satu agama yang disampaikan dan dikembangkan melalui dakwah. Dakwah secara umumnya bererti mengajak, iaitu mengajak manusia ke arah mentauhidkan Allah (s.w.t). Usaha mengajak manusia untuk tujuan ini merupakan satu usaha yang sukar. Dalam usaha menyebarkan agama Islam ini di Sarawak, para ulama di Borneo, khususnya ulama di Sarawak, berhadapan dengan pelbagai masalah. Ini antara lain, disebabkan oleh kegiatan missionari sudah pun berjalan sejak lama yang menyebabkan sebahagian besar penduduk Sarawak sudah terpengaruh dengan ajaran Kristian. Walaupun tidak semua penduduk menerima Kristian sebagai agama, tetapi budaya dan cara hidup yang telah dipopularkan oleh agama ini telah menjadi budaya dan cara hidup sebahagian besar penduduk. Hasil temu bual secara tidak formal di antara penulis dengan beberapa orang yang menaruh perhatian ke atas perkembangan Islam di Sarawak, didapati ulama Borneo berhadapan dengan pelbagai masalah dalam menyampaikan mesej dakwahnya. Di antara masalah yang ketara ialah:

Bentuk muka bumi yang rencam dan sukarnya perhubungan

Banyak di antara kumpulan etnik di Sarawak masih tinggal di kawasan pedalaman yang sukar dihubungi. Ada sebahagian mereka itu merupakan satu pengelompokan kecil etnik yang hidup secara sederhana di kawasan pedalaman. Para ulama di Sarawak mungkin boleh menyampaikan mesej dakwah serta mungkin dapat menarik ramai penduduk tempatan ke arah berpegang kepada syariah Islam, tetapi masalah besar yang boleh membantutkan usaha ini ialah bentuk muka bumi Sarawak yang rencam dan kesukaran perhubungan. Tempat-tempat yang terpencil sering kali menyusahkan perhubungan. Usaha dakwah kepada penduduk yang bukan beragama Islam tidak hanya sekadar usaha untuk mengajak mereka agar menerima risalah Islam, tetapi yang juga penting ialah usaha *follow-up* selepas penerimaan ajaran Islam tersebut. Mereka ini memerlukan usaha dakwah yang berterusan agar mereka boleh memahami dan menghayati ajaran Islam seperti mana yang kita kehendaki. Jika mereka ditinggalkan begitu sahaja selepas pengislaman, kemungkinan mereka akan kekal dalam agama Islam adalah kecil. Mereka ini sentiasa didekati.

Dengan muka bumi dan perhubungan yang sukar menyebabkan para ulama di Sarawak menghadapi masalah dalam meneruskan usaha dakwahnya kepada golongan ini agar mereka boleh kekal dalam agama Islam. Dengan perhubungan yang sukar menjadikan usaha untuk berulang alik ke penempatan mereka yang baru menerima Islam adalah sukar. Masalah ini diperhebat lagi oleh kekurangan sumber kewangan untuk menampung kos hidup para pendakwah. Ramai pendakwah yang gigih adalah mereka daripada NGO yang tidak mempunyai asas kewangan yang kukuh. Masalah kewangan adalah masalah besar kepada pendakwah NGO ini. Sehingga sekarang masalah ini masih merupakan masalah besar kepada mereka berbanding mubaligh Kristian yang mempunyai sumber kewangan yang melimpah ruah. Para mubaligh ini boleh hidup dengan senang lenang di kawasan pedalaman untuk meneruskan usaha menarik penduduk kepada agama mereka. Kekurangan kewangan juga menyebabkan dakwah di kawasan pedalaman di Sarawak menjadi tidak teratur, tidak bersungguh-sungguh dan tidak meluas.

Gerakan Kristianisasi

Gerakan Kristianisasi adalah satu cabaran besar yang dihadapi oleh ulama di Sarawak. Gerakan ini adalah sistematik, diatur oleh pertubuhan Kristian antarabangsa dan sudah lama berjalan di Sarawak. Keadaan ini menyebabkan cara hidup penduduk di Sarawak sudah bersebuti dengan ajaran Kristian. Adalah agak sukar bagi ulama di Sarawak untuk mempengaruhi cara hidup rakyat peribumi yang sudah lama bersebuti dengan cara hidup agama lain, apatah lagi untuk mengubah pendirian kepercayaan agama daripada agama lama kepada agama Islam. Lagipun gerakan missionari adalah satu gerakan yang teratur, bersungguh-sungguh, meluas, berjalan selaras dengan proses sekularisasi, dan sekarang ini dibantu oleh globalisasi.

Kegiatan kristianisasi juga meresap di segenap ruang dan peluang dalam masyarakat, melalui hubungan secara terus dengan prospek, melalui risalah ataupun melalui kitab-kitab suci mereka yang ditinggalkan di tempat-tempat tertentu. Gerakan ini juga dilakukan melalui institusi pendidikan, media massa serta

melalui pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan. Dengan sumber kewangan yang tidak terbatas, agama Kristian ini, mampu menggunakan pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan untuk mempengaruhi ahli komuniti yang masih belum mempunyai agama tertentu, malah penganut agama Islam sendiri, untuk mendekati dan seterusnya menerima agama ini sebagai cara hidup baru. Mereka bercita-cita besar untuk menghapuskan kepercayaan orang Islam dan menarik penganut agama ini kepada agama mereka. Oleh itu para ulama Borneo, di samping menghadapi cabaran untuk mempengaruhi orang bukan Islam supaya menerima ajaran Islam, mereka juga berhadapan dengan masalah kelenturan penghayatan agama Islam di kalangan orang Islam sendiri. Oleh itu para ulama Borneo menghadapi banyak cabaran jika mereka ingin melihat rakyat di Bumi Kenyalang menerima syariat Islam.

Islamofobia

Islamofobia adalah satu konsep negatif yang menggambarkan bahawa Islam adalah ganas, kejam, pelampau, memusuhi orang lain dan sebagainya. Media-media Barat yang dikuasai oleh agama Kristian dan Yahudi, dalam rangka untuk memenangi hati dan kepercayaan penduduk dunia, sentiasa berusaha keras dengan menyiarkan berita-berita yang memburuk-burukkan Islam. Mereka juga sering kali sanggup menciptakan sendiri kejahatan dan kemudiannya menuding jari dan meletakkan kejahatan tersebut kepada orang Islam. Tujuan mereka ialah satu, iaitu untuk menghalang kebangkitan Islam. Mereka merasa iri hati terhadap Islam dan melihat Islam dan penganutnya adalah musuh yang membantutkan usaha mereka untuk menguasai dunia.

Perasaan iri hati ini mempunyai sejarah yang panjang, sejak berkurun lamanya akibat sekularisme dan modernisme. Bermula pada zaman Pertengahan di abad ke-16 dan ke-17, sewaktu negara Barat mula memisahkan hal-hal kehidupan dunia dari agama, agama bukan sahaja agama Islam, tetapi juga agama Kristian yang menjadi agama besar dunia atau agama majoriti penduduk Barat, mula dilihat sebagai penghalang kemajuan. Akibat pengaruh dan perkembangan agama Islam yang terus menerus berjalan telah menimbulkan rasa iri hati penganut agama besar dunia ini. Pada hari ini dunia Islam telah berkembang pesat dan merebak daripada kawasan Atlantik kepada Pasifik, daripada Selatan benua India dan Afrika kepada Siberia, Albania dan Bosnia. Beberapa kawasan di Eropah dan Amerika juga mempunyai penduduk Islam yang signifikan.

Kehidupan masyarakat Barat yang tidak berjaya membangunkan aspek spiritual, moral dan akhlak dalam dunia moden sekarang ini walaupun berjaya dari sudut ekonomi dan teknologi menyebabkan ramai dari kalangan mereka yang mula beralih pandangan kepada agama Islam. Sejak awal abad ke-20, terutama selepas Perang Dunia II, ramai anggota masyarakat Barat yang gagal dalam pencarian asas spiritual dan pengetahuan agama dalam agama asal mereka telah beralih pandangan kepada agama-agama Timur. Sebahagian mereka memilih agama Hindu, yang lain-lain memilih agama Buddha, dan ada juga yang memilih agama Islam. Pada hari ini agama Islam berjaya menarik minat ramai penduduk di Amerika dan Eropah.¹⁹ Keadaan ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penduduk Barat beragama Kristian, dan mula mengatur strategi tertentu untuk menghalang sambutan masyarakat dunia kepada Islam.

Keadaan di atas bukan sahaja terjadi dalam konteks dunia Barat tetapi juga di seluruh pelosok dunia, di negara bukan Umat Islam mahupun di negara Umat Islam sendiri. Dalam konteks Sarawak juga gambaran negatif ke atas Islam ini, cuba disebarluaskan oleh mereka untuk menghalang perkembangan agama Islam. Keadaan ini dilihat sebagai penghalang kepada usaha dakwah di kalangan ulama di Borneo.

Dalam usaha mengembangkan agama Islam kepada masyarakat Bumiputera yang masih belum mempunyai agama, maka keadaan ini boleh menjadi satu unsur yang menghalang gerakan Islam ini. Penganut agama lain di Sarawak, khususnya Kristian tidak perlu merasa bimbang kerana gerakan Islam bukan bertujuan untuk mengislamkan mereka yang beragama Kristian, tetapi sebaliknya gerakan Islam adalah lebih tertumpu kepada masyarakat Bumiputera yang masih belum beragama. Jika pun gerakan Islam ada dikaitkan dengan agama Kristian, ia hanyalah sekadar usaha memperbetulkan salah tanggapan masyarakat Kristian ke atas masyarakat Islam. Islam tidak memusuhi agama Kristian, tetapi dakwah Islam bertanggungjawab menyebarkan kepada seluruh masyarakat bahawa agama Islam adalah sebuah bentuk yang asli dan murni dari agama Kristian dan berusaha memperbetulkan pelbagai hal dalam agama tersebut yang boleh dianggap sebagai tambahan kepada wahyu yang asli dan benar yang diturunkan oleh Allah s.w.t.²⁰

Penularan Budaya Barat

Sekarang ini masyarakat Barat adalah masyarakat yang sakit. Ramai rakyatnya yang tidak lagi berpegang kepada ajaran agama dan sudah tidak lagi patuh kepada adat resam dan budaya lama. Masyarakat mereka adalah masyarakat sekular yang telah berjaya diwujudkan oleh orang-orang yang tidak percaya kepada agama sejak permulaan Revolusi Industri pada abad ke-18 dulu lagi. Sejak itu, melalui hasil tulisan pemikir-pemikir zaman Revolusi Industri ini, pemimpin-pemimpin Barat berjaya memisahkan agama (gereja) daripada kehidupan umum. Apabila mereka berjaya memisahkan agama dengan kehidupan harian penduduk mereka, para pemimpin ini sesudah itu turut berusaha untuk memisahkan agama (Islam) daripada kehidupan harian orang-orang Islam.

Sejak itu juga pelbagai pendekatan telah digunakan secara halus untuk tujuan ini. Salah satu pendekatan yang ampuh yang telah dilaksanakan ialah melalui pembudayaan cara hidup moden (cara hidup Barat) yang mereka ciptakan. Mereka mempopularkan cara hidup Barat adalah cara hidup moden, dan jika ingin menjadi moden mestilah mengikuti cara hidup Barat. Budaya seperti ini sudah mulai meresap di kalangan penduduk di semua negara Islam. Cara hidup moden atau pasca moden ini sekarang ini bukan sahaja dapat dilihat dalam kalangan penduduk generasi muda di bandar-bandar, tetapi juga di seluruh lapisan masyarakat di seluruh pelosok negara Islam. Cara hidup moden atau pasca moden ini yang menjadi nilai budaya baru yang menjadi amalan generasi muda sekarang adalah manifestasi pembebasan individu daripada norma-norma agama dan sosial.

Negeri Sarawak juga tidak ketinggalan menerima kesan daripada penularan ini. Apabila keadaan ini terjadi maka nilai-nilai Islam tidak lagi menjadi alat yang ampuh untuk membentuk nilai-nilai kehidupan yang sihat. Sedangkan penularan budaya seperti ini boleh menyebabkan cara hidup Islam dilihat sebagai satu cara

hidup yang kolot, dilihat sebagai agama yang penuh dengan peraturan yang menghalang kebebasan mereka dan tidak sesuai dengan peredaran masa. Dengan yang demikian usaha untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat yang masih belum beragama dalam masyarakat Sarawak akan berhadapan dengan masalah.

Masalah Kemiskinan

Kemiskinan adalah satu masalah utama masyarakat Islam di serata dunia. Kemiskinan ini merupakan satu lagi bentuk cabaran yang terpaksa dihadapi oleh ulama di Borneo dalam menyampaikan mesej Islam ini kepada penduduk di Sarawak. Bagi orang Islam sendiri, kemiskinan harta benda dan kemelaratan hidup boleh membawa kepada kekufuran. Orang yang berada dalam kemiskinan yang melampau mudah terpengaruh dengan janji-janji yang boleh memberikan keselesaan hidup dari segi kebendaan kepada mereka. Di serata dunia, termasuk di Sarawak, ramai orang Islam yang menukar agama kepada agama lain disebabkan kemiskinan dan kemelaratan hidup.

Bagi mubaligh agama lain kemiskinan ini dilihat sebagai satu peluang yang baik untuk menjalankan kegiatan dakwah kepada agama mereka. Mereka mempunyai sumber kewangan yang tidak terhad untuk disalurkan kepada penduduk miskin dalam bentuk program-program ekonomi, pendidikan, kebajikan, malah pelbagai bentuk bantuan kewangan termasuk biasiswa kepada para pelajar sehinggalah kepada perbelanjaan yuran, buku, pakaian, perbelanjaan hidup serta pelbagai kemewahan lain turut disogokkan untuk mempengaruhi pemikiran dan pegangan agama penduduk. Di tempat-tempat lain di dunia, ramai orang Islam yang menukar agama disebabkan kemiskinan dan kemelaratan hidup ini. Orang miskin mudah terpengaruh, dan bagi orang yang ingin mengejar kemewahan yang sudah lama ditunggu-tunggu juga, tentunya keadaan ini dianggap sebagai pucuk di cita, ulam mendatang. Dalam keadaan seperti ini para ulama di Borneo mengalami kesukaran untuk memenangi hati masyarakatnya, dan dengan itu usaha dakwah mereka boleh tergendala.

Kekurangan Tenaga Ulama

Ulama yang ada di Borneo khususnya di Sarawak adalah tidak ramai, dan keadaan ini turut menjadikan usaha dakwah di Sarawak agak lembap. Walaupun sejak abad ke-19 dulu lagi sudah ada beberapa ulama terkenal di Sarawak, seperti Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman (Datuk Hakim Keramat), kemudian anaknya Datuk Hakim Haji Ashari, Shekh Haji Othman Abdul Wahab, Datuk Hakim Haji Abdul Rahman, dan di abad ke-20 ini termasuklah Datuk Imam Morshidi bin Abang Haji Noruddin, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Haji Sibli Abdul Rahman, dan lain-lain, namun jumlahnya belum memadai untuk membolehkan usaha dakwah dapat dijalankan secara aktif di Sarawak.²¹

Tidak ramainya ulama di Sarawak mempunyai kaitan dengan tidak ramainya penganut agama Islam itu sendiri di Bumi Kenyalang ini. Di samping kekurangan ulama yang ada juga berkemungkinan tidak mempunyai kesanggupan untuk menjadi pendakwah sepenuh masa dengan menetap di kawasan-kawasan pedalaman. Pendakwah di sana seperti yang diluahkan oleh seorang pendakwah bebas di Kucing suatu masa dahulu menyatakan tidak mempunyai penaja yang

boleh menyediakan segala kelengkapan perbelanjaan termasuk keperluan hidup kepada ulama-ulama kita yang ingin melibatkan diri sepenuh masa dalam kerja dakwah, berbeza dengan agama Kristian yang memberikan segala keperluan dan kemudahan kepada mubalighnya untuk menjalankan gerakan missionari. Kerja dakwah adalah kerja profesional. Kerja profesional memerlukan bayaran. Supaya pendakwah dapat bekerja secara profesional sepenuh masa, sara hidup mereka perlu dibayar. Mereka ini memerlukan makan minum. Tidak ada organisasi yang boleh mengeluarkan bayaran kepada pendakwah ini supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang layak semasa berdakwah.

Contoh Tauladan Yang Negatif

Contoh tauladan negatif daripada penganut agama Islam di Sarawak sendiri yang dipamerkan kepada penduduk bukan Islam boleh menyebabkan imej Islam tidak begitu baik. Keadaan ini menyebabkan penduduk bukan Islam tidak begitu tertarik dengan Islam. Hasil perbincangan di antara penulis dengan bekas penganut Kristian yang sekarang ini menjadi pendakwah bebas menunjukkan ramai di antara orang Islam terutama daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak menunjukkan contoh tauladan yang tidak baik. Mereka ini telah mengambil kesempatan di atas keramah-tamahan penduduk tempatan untuk melakukan perbuatan yang tidak baik, seperti mandi-manda bersama di sungai-sungai dengan anak-anak perawan tempatan yang bukan beragama Islam, mengambil buah-buahan orang tempatan tanpa keizinan, dan pelbagai lagi. Contoh tauladan yang negatif ini boleh menyukarkan lagi proses pendakwaan di kalangan penduduk bukan Islam, sebab dakwah adalah usaha untuk mengajak penduduk melakukan kebaikan, sedangkan ramai juga penduduk Islam ini yang melakukan dan mengamalkan cara hidup yang dianggap tidak baik. Keadaan ini bukan sahaja merosakkan imej baik Islam tetapi juga boleh menjauhkan penduduk yang belum beragama untuk berjinak-jinak dengan Islam. Oleh itu usaha misi dakwah para ulama boleh terbantut dan sukar mencapai hasil yang memuaskan.

Kesimpulan

Kepelbagaian agama di Sarawak dilihat sebagai satu cabaran yang besar bagi ulama Borneo secara khususnya dan umat Islam secara umum. Oleh itu usaha yang lebih bersungguh-sungguh yang melibatkan semua pihak perlu dimulakan dari sekarang demi survival agama Islam dan umat Islam itu sendiri. Janganlah membiarkan kealpaan dan keselesaan yang melanda umat Islam hari ini untuk membuka ruang yang lebih luas kepada gerakan agama lain bagi menyebarkan agama mereka serta memesonkan umat Islam dari pegangan yang dianuti selama ini. 'Islam Sebagai Agama Rasmi' seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tidak akan menjadi realiti tanpa adanya kesungguhan setiap umat Islam untuk merealisasikan pernyataan tersebut. Penggembleran tenaga semua pihak daripada rakyat biasa hinggalah kepada pemerintah diperlukan untuk menjadikan usaha dakwah lebih menyeluruh dan lebih berkesan sepertimana pengalaman yang dilalui oleh gerakan kristianisasi.

Nota Hujung

1 **إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ**¹

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. (al-Qur'an 3: 19).

2 **مُحَمَّدٌ خَيْرٌ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَهُمْ عَلَيْهِمْ بِاللَّهِ**

'Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)' (Qu'ran 3: 110).

3 **وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ**

'Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman' (Qur'an 51: 55).

⁴ Welyne Jeffrey Jehom, "Agama Kristian dan Hubungan Etnik di Sarawak," Kertas kerja yang disampaikan di Seminar Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

⁵ Junaenah Sulehan, "Wanita Peribumi Dalam Sektor Informal: Satu Kajian Kes di Sarawak," dlm. Abdul Rahman Embong (penyt.) *Negara, Pasaran dan Pemodelan Malaysia*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

⁶ H.S. Morris, *Report on a Melanau Sago Producing Community in Sarawak*, (London, 1953).

⁷ B. Sandin, *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, (London, 1967).

⁸ G.N. Appell, "The Nature of Social Groupings Among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia," (Tesis Ph.D Australian National University, 1976).

⁹ V. T King, *Essays on Borneo Societies*, (Oxford: Oxford University Press, 1978).

¹⁰ Ibid.

¹¹ Sabihah Osman, "Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad ke-19," dlm. J/K Kolokium, Jabatan Sejarah, UKM, *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991); Jabatan Perangkaan Malaysia, *Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan*, (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005).

¹² Abang Haji Atei, "Matlamat dan Masa Depan Sekolah-sekolah Agama Islam di Sarawak," dlm. Ismail Ab. Rahman (peny.), *Pendidikan Islam Malaysia*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993).

¹³ H.O.K Rahmat, *Pencemaran Akidah di Nusantara*, (Kuala Lumpur: DBP, 1983).

¹⁴ Welyne Jeffrey Jehom, "Agama Kristian dan Hubungan Etnik di Sarawak."

¹⁵ L.M. Parsons, "The Catholic Church in Borneo," *Sabah Society Journal*, 3, (1967).

¹⁶ Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997).

¹⁷ B. Taylor, *The Anglican Church in Borneo, 1948-1962*, (Sussex: New Horizon, 1983).

¹⁸ Welyne Jeffrey Jehom, "Agama Kristian dan Hubungan Etnik di Sarawak."

¹⁹ Seyyed Hossein Nasr, *A Young Muslim's Guide to the Modern World*, (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1993).

²⁰ H.I. Qureshi, "Islam dan Barat di Masa Lampau, di Masa Sekarang dan di Masa Akan Datang," dlm. Altaf Gauhar (terj.). *Tantangan Islam*, (Bandung: Pustaka, 1983).

²¹ Ismail Ab. Rahman, "Masalah Pengajaran, Pembelajaran dan Masa Depan Pengajian Usuluddin Dalam Konteks Perkembangan Islam di Sabah dan Sarawak," dlm. Ismail Ab. Rahman (peny.), *Pendidikan Islam Malaysia*.